

**Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK**  
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**FENOMENA LGBT DI MALAYSIA: ANALISIS FAKTOR DAN KADEAH PEMULIHAN**

**[THE PHENOMENON OF LGBT IN MALAYSIA: FACTOR ANALYSIS  
AND REHABILITATION SERVICES FOR LGBT]**

MAISARAH MAHMUD<sup>1\*</sup>  
NUR ZAINATUL NADRA ZAINOL<sup>1,2</sup>,

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Umum Dan Kokurikulum  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
Persiaran Tun Dr. Ismail, 86400 Parit Raja,  
Johor, MALAYSIA

<sup>2</sup> Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
Persiaran Tun Dr. Ismail, 86400 Parit Raja,  
Johor, MALAYSIA

\*Corresponding Author: nadra@uthm.edu.my

Received Date: 20 June 2022 • Accepted Date: 15 October 2022

**Abstrak**

Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) bukan komuniti baru dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Malah terdapat pihak yang cuba untuk menuntut agar Malaysia memberi pengiktirafan serta hak sama rata kepada golongan LGBT ini. Fakta menunjukkan bahawa penglibatan golongan LGBT semakin membimbangkan dalam kalangan masyarakat malah, gejala ini semakin menular tidak hanya terbatas dalam kalangan dewasa bahkan turut mempengaruhi remaja yang masih dibangku sekolah. Oleh yang demikian, artikel ini akan mengupas mengenai fenomena LGBT di Malaysia dari sudut ciri-ciri golongan LGBT, faktor kepada berlakunya gejala ini serta pendekatan pemulihan yang sesuai bagi menangani isu LGBT ini dari terus berleluasa. Dalam penelitian ini, penulis akan menggunakan analisis dokumen sebagai metode pengumpulan data dan analisis dapatan menggunakan kaedah tematik. Pelbagai faktor yang menyumbang kepada gejala kecelaruan jantina dan LGBT. Manakala terdapat fatwa kebangsaan, negeri menyatakan LGBT merupakan perilaku haram dan songsang. Manakala kaedah telah diambil oleh pelbagai pihak bagi menangani gejala ini dari terus berleluasa. Kajian ini mencadangkan kerjasama pelbagai pihak perlu ditingkatkan lagi agar objektif bagi memulihkan komuniti LGBT daripada gejala kecelaruan jantina dan perilaku songsang.

**Kata kunci:** LGBT, gejala kecelaruan jantina, gejala songsang

### **Abstract**

*Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender (LGBT) are not a new community among society in Malaysia. In fact, there are those who are trying to demand that Malaysia give recognition and equal rights to this LGBT group. Facts show that the involvement of people in LGBT is increasingly intriguing in society and this symptom is increasingly contagious not only limited to adults and even affects adolescents who are still in school. Therefore, this article will explore the LGBT phenomenon in Malaysia from the point of view of LGBT characteristics, factors for the validity of these symptoms and appropriate recovery approaches to dealing with this LGBT issue from a continuous discretion. In this study, the authors will use document analysis as a method of data collection and analysis can use thematic methods. A variety of factors contribute to the symptoms of gender identity disorder and LGBT distress. When there is a national fatwa, the state declares LGBT to be an illegitimate and inverse behavior. Whenever methods have been taken by various parties to deal with this symptom from continuing to be flexible. This study suggests that the cooperation of various parties needs to be improved to be objective for restoring the LGBT community rather than the symptoms of gender identity disorder and inverse behavior.*

**Keywords:** *LGBT, gender identity disorder, inverse symptoms*

**Cite as:** Maisarah Mahmud & Nur Zainatul Nadra Zainol. 2022. Fenomena LGBT di Malaysia: Analisis Faktor dan Kaedah Pemulihan [The Phenomenon of LGBT In Malaysia: Factor Analysis and Rehabilitation Services for LGBT]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(3): 136-147

### **PENGENALAN**

Isu Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) dilihat kini semakin membimbangkan dan ianya perlu diberi perhatian oleh semua pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) serta masyarakat awam. Berdasarkan laporan berita oleh Berita Harian pada Mac 2022 telah memetik kata-kata dari Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad yang menyatakan bahawa kerajaan Malaysia memandang serius isu berkaitan LGBT ini kerana negara berpegang kepada agama Islam sebagai agama Persekutuan yang menerapkan nilai moral berlandaskan adat, budaya serta agama, maka perlaku LGBT ini adalah bertentangan dengan agama, moral dan budaya di Malaysia.

Komuniti Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) telah bermula dengan kewujudan pondan dan maknya sekitar tahun 1980-an (Mahfudzah, 2015). Persidangan Raja-Raja kali ke-126 pada 13 Disember 1989 telah memfatwakan LGBT sebagai perlakuan yang haram untuk diamalkan sebagai gaya hidup maka rentetan dari pewartaan ini telah menghalang mana-mana individu membuat permohonan menukar jantina pada dokumen pengenalan diri. Mahfudzah (2015) jelaskan masyarakat Malaysia amat sensitif dengan gaya hidup yang menyalahi tuntutan agama dan tatasusila budaya timur apatah lagi dengan perlakuan yang menyalahi fitrah sebagai seorang manusia. Oleh yang demikian, komuniti LGBT ini menerima kecaman yang hebat dalam kalangan masyarakat di Malaysia khususnya masyarakat yang beragama Islam.

Fenomena LGBT bukanlah suatu perkara yang baru khususnya di negara Malaysia ini, ianya telah menular sejak sekian lamanya. Allah SWT telah menjelaskan mengenai permasalahan homoseksual yang berlaku dalam kalangan umat Nabi Lut as. Perlakuan tersebut jelas merupakan sebuah perlakuan yang keji sebagaimana firman Allah SWT:

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمَهُ أَتَأْتُونَ الْفَحْشَةَ مَا سَبَقُكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ ۖ ۸۰  
دُونَ الْيَسَاءَ بَلْ أَنَّمِّ قَوْمٌ مُّسَرُّفُونَ ۸۱ وَمَا كَانَ جَوَابُ قَوْمَهُ إِلَّا أَنْ قَالُوا أَخْرُجُوهُمْ مِنْ قَرْيَاتِنَا إِنَّهُمْ أُنَاسٌ  
يَتَطَهَّرُونَ ۸۲ فَأَنْجَيْنَا وَآهَلَهُ إِلَّا أَمْرَأَةٌ كَانَتْ مِنَ الْغَيْرِيْنَ ۸۳ وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ مَطَّرًا فَانْظُرْ كَيْفَ كَانَ  
عَبِيْثُ الْمُجْرِمِينَ ۸۴

Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas. Dan tidak ada jawab dari kaumnya selain daripada berkata: Usirlah mereka (Nabi Lut dan pengikut-pengikutnya yang taat) dari bandar kamu ini, sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang (mendakwa) menyucikan diri. Maka Kami selamatkan dia dan keluarganya (serta pengikut-pengikutnya) melainkan isterinya, adalah dia dari orang-orang yang dibinasakan. Dan Kami telah menghujani mereka dengan hujan (batu yang membinasakan). Oleh itu, lihatlah, bagaimana akibat orang-orang yang melakukan kesalahan. Dan kepada penduduk Madyan (Kami utuskan) saudara mereka Nabi Syuaib. Dia berkata: Wahai kaum sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tiada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan yang nyata dari Tuhan kamu. Oleh itu, sempurnakanlah sukatan dan timbangan dan janganlah kamu kurangkan bagi manusia akan benda-benda dan perkara-perkara yang menjadi haknya; dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi sesudah Allah menjadikannya (makmur teratur) dengan sebaik-baiknya. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu jika betul kamu orang-orang yang beriman (Al-A'raf: 80-84).

Ayat di atas jelas menggambarkan perlakuan kaum Nabi Lut a.s yang mengalami masalah keceluaran seks apabila mempunyai keinginan untuk melakukan hubungan sulit dengan sesama jenis iaitu lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan (Mohd Izwan et al, 2021). Dalam ayat 80 hingga 84 dari surah Al-A'raf itu juga Allah menggambarkan azab yang menimpa kaum Nabi Lut iaitu kaum Sodom dan kaum Amoro yang merupakan suatu daerah di negeri Syam.

Jika diteliti berkaitan dengan penerimaan masyarakat di Malaysia ini, kebanyakan dari mereka amat sensitif akan gaya hidup yang menyalahi tuntutan agama dan tatasusila budaya timur apatah lagi dengan perlakuan yang menyalahi tabi'e manusia (Sharul Fitry et al, 2019). Berdasarkan kajian oleh Mahfudzah (2015) menyatakan bahawa statistik tangkapan yang dijalankan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama seluruh Malaysia semakin meningkat dan hal ini menunjukkan bahawa perlakuan LGBT ini tetap berkembang serta semakin berleluasa. Oleh yang demikian, penulisan ini bertujuan untuk meninjau kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para penyelidik mengenai isu LGBT di negara ini.

## SOROTAN BERKAITAN LGBT

### Definisi LGBT

LGBT adalah singkatan dari perkataan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender. Sesetengah pihak telah menambah akronim ini kepada LGBTQIA, di mana *Q* merujuk kepada perkataan Queer iaitu tidak pasti tertarik kepada jantina yang mana dan istilah ini telah digunakan sejak 3 tahun kebelakangan ini, manakala *I* merujuk kepada perkataan Intersex iaitu individu yang tertarik kepada kedua-dua jantina dan ianya boleh ditakrifkan sama seperti Biseksual, seterusnya akronim *A* merujuk kepada Aseksual iaitu mereka yang tiada minat seksual terhadap mana-mana jantina (Melati Sumari, 2022). Kajian oleh Mohd Izzat et al (2018) menghuraikan LGBT berdasarkan dapatan kajian oleh Perry adalah lesbian dan gay mempunyai ciri-ciri persamaan iaitu lelaki atau wanita memiliki kecenderungan serta daya tarikan seksual terhadap jantina yang sejenis dengan mereka seterusnya kecenderungan seksual yang disebutkan ini juga melampaui nilai-nilai agama, etika, adat dan budaya kerana akhirnya boleh membawa kepada hubungan seks songsang seperti liwat (pergaulan seks sesama lelaki) dan *musahaqah* (pergaulan seks sesama perempuan). Biseksual pula dapat didefinisikan sebagai amalan hubungan seksual seseorang yang bebas dan cenderung terhadap lelaki dan juga perempuan manakala transgender pula adalah seseorang lelaki atau perempuan yang berperasaan dan berpenampilan sebagai jantina yang sebaliknya, malah ada dalam kalangan mereka yang melakukan pengubahsuaian organ jantinanya melalui pembedahan dan pengambilan hormon tertentu (Mohd Izzat et al, 2018).

Selain itu, berdasarkan dapatan kajian oleh Arina Fadhilaatika & Muthoifin (2022) menghuraikan LGBT sebagai akronim dari perkataan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender yang mana istilah ini digunakan bagi menggantikan frasa komuniti gay kerana istilah tersebut lebih mewakili kumpulan-kumpulan yang telah dinyatakan sebelum ini dan istilah ini diwujudkan bertujuan untuk menekankan kepelbagaiannya budaya yang berdasarkan identiti seksual serta jantina. Menurut Arina Fadhilaatika & Muthoifin (2022) lagi, LGBT terdiri dari kumpulan Lesbian iaitu wanita yang secara fizikalnya adalah sebagai seorang wanita namun memiliki daya tarikan kepada wanita, manakala kumpulan gay merupakan kumpulan yang terdiri daripada lelaki yang secara fizikalnya adalah seorang lelaki namun memiliki daya tarikan terhadap lelaki. Seterusnya, biseksual adalah orientasi seksual yang secara fizikal dan emosinya memiliki daya tarikan kepada lelaki dan wanita sekaligus manakala transgender adalah kumpulan yang memiliki identiti jantina atau ekspresi jantina yang berbeza dengan orientasi seksual yang dimilikinya sejak lahir.

DSM-5 juga turut menyertakan definisi bagi transgender sebagai individu yang mengidentifikasi diri mereka dengan jantina yang berbeza dengan yang didapati sejak lahir sama ada secara sementara mahupun kekal, manakala transseksual pula didefinisikan sebagai individu yang mencari atau melalui perubahan sosial daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan jantina atau penggunaan hormon. Gender disforia didiagnos melalui sekurang-kurangnya dua daripada enam tanda-tanda berikut sepanjang enam bulan tempoh mengalaminya.

Antara tanda-tandanya ialah:

- a. Mempunyai perasaan diri tidak sesuai terhadap jantina sedia ada dan terhadap ciri-ciri seks primer dan/atau sekunder.
- b. Mempunyai keinginan yang kuat untuk membuang alat kelamin atau ciri-ciri seks primer dan/atau sekunder kerana merasakan jantina yang sedia ada tidak bersesuaian dengan keinginan diri. Dalam peringkat awal usia remaja perbuatan ini dapat menghindarkan daripada berlakunya perkembangan dalam ciri seks sekunder.
- c. Mempunyai keinginan yang kuat terhadap ciri-ciri seks primer dan/atau sekunder jantina lain yang berbeza dengan jantina yang telah ditetapkan.
- d. Mempunyai keinginan untuk berperwatakan seperti jantina lain yang berbeza dengan jantina yang telah ditetapkan.
- e. Mempunyai keinginan yang kuat untuk dilayan seperti jantina lain yang berbeza dengan jantina yang telah ditetapkan
- f. Mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa seseorang itu mempunyai perasaan dan reaksi yang khusus terhadap jantina yang berbeza dengan jantina yang telah ditetapkan.

Oleh yang demikian, secara keseluruhannya dapat di jelaskan di sini bahawa LGBT dapat didefinisikan sebagai *L* adalah kumpulan lesbian yang mana terdiri daripada jantina wanita yang memiliki perwatakan sebagai wanita secara fizikal akan tetapi daya tarikan seksualnya menjurus kepada wanita manakala *G* adalah kumpulan gay yang mana terdiri daripada jantina lelaki yang memiliki perwatakan sebagai seorang lelaki secara fizikalnya akan tetapi daya tarikan seksualnya menjurus kepada jantina lelaki. Seterusnya, *B* merujuk kepada kumpulan biseksual yang mana ianya adalah seseorang individu sama ada lelaki atau wanita yang mempunyai daya tarikan seksual kepada kedua-dua jantina tersebut manakala *T* merujuk kepada transgender yang dapat ditakrifkan sebagai seseorang individu sama ada lelaki atau perempuan yang berpenampilan dan berperasaan seperti jantina yang berlawanan dengannya dan mereka juga dikenali sebagai *transmen* (wanita berpenampilan seperti lelaki) atau *transwomen* (lelaki berpenampilan seperti wanita).

### **Gejala LGBT di Malaysia**

Golongan LGBT di Malaysia ini sudah mula menapak sejak pada awal tahun 1980 lagi di mana pada awalnya hanya wujud golongan pondan dan maknyah akan tetapi pada tahun 1990-an golongan ini terus berkembang di Malaysia dan melabelkan diri mereka sebagai Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender dan perkembangan ini telah memberi kejutan yang besar terhadap masyarakat Malaysia pada ketika itu kerana Malaysia merupakan negara yang menggunakan Agama Islam sebagai agama rasmi dan seramai 61.3 peratus penduduk adalah mereka yang menganuti agama Islam sebagai petunjuk dalam menjalani kehidupan sehari-hari (Shazreen et al, 2022). Berdasarkan kajian oleh Adam et al (2020), menjelaskan bahawa gejala transeksual yang berlaku pada peringkat awal perkembangan ini adalah melibatkan perlakuan mereka yang mengenakan solekan dan berpakaian serta bertingkah laku silang jantina dari gaya berjalan, percakapan dan gerak-geri. Mereka yang terdiri dari golongan

transgender ini juga mengambil ubat yang berupa pil hormon daripada kedai-kedai runcit Cina dan peniaga runcit dengan tujuan untuk membesarkan payudara dan mencantikkan kulit (Adam et al, 2020).

Yusof et al (2017) menghuraikan laporan oleh Jabatan Perangkaan pada tahun 2017 menganggarkan bahawa Malaysia dihuni oleh 32 juta orang dengan 28.7 daripadanya adalah warganegara dan 3.3 juta pula terdiri daripada bukan warganegara dan berdasarkan sumber oleh Jabatan Perangkaan pada tahun 2010, Islam adalah agama majoriti di Malaysia (61.3%) diikuti dengan Buddha sebanyak 19.8% yang menganutinya dan agama Kristian pula dianut oleh 9.2% penduduk Malaysia. Oleh sebab Islam adalah agama rasmi di Malaysia sesetengah yang tidak menepati dengan Islam adalah dilarang untuk dilakukan termasuklah perlakuan seksual di luar tabi'ie malah, undang-undang Malaysia telah menetapkan bahawa sesiapa yang didapati mengamalkan perlakuan di luar tabi'ie boleh didakwa mengikut Seksyen 377A-D Kanun Keseksaan (Akta 574) yang mengharamkan liwat dan seks songsang.

Akhbar Berita Harian pada Mac 2018 melaporkan Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan Malaysia (COMANGO) yang menyokong fahaman liberalisme dan sekularisme yang telah ditubuhkan sejak tahun 2013 telah mengemukakan tuntutan melalui Semakan Berkala Sejagat Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang diadakan pada Oktober 2013 agar kerajaan Malaysia mengiktiraf orientasi seksual dan identiti jantina (SOGI). Fadzilah & Noremy (2019) menyatakan berdasarkan kajian oleh Suriati, Malaysia didakwa enggan mengiktirafkan hak SOGI sebagai hak asasi manusia dan mendakwa bahawa mereka yang terlibat dengan LGBT dikatakan telah diberi layanan yang buruk serta menafikan hak mereka sebagai manusia. Dakwaan ini telah ditujukan agar golongan LGBT ini diberikan layanan yang sewajarnya dan diberikan pengiktirafan yang sama seperti manusia biasa.

## METODOLOGI

Metodologi bagi penulisan ini adalah menggunakan kaedah analisis dokumen dengan merujuk kepada pelbagai sumber untuk memperoleh bahan dan data yang diperlukan. Kaedah rekabentuk ini diaplikasikan kerana ingin memahami fenomena kehidupan sebenar secara mendalam tetapi pemahaman seperti itu merangkumi keadaan kontekstual yang penting dan sangat berkaitan dengan fenomena kajian. Seterusnya, bahan-bahan tersebut akan dianalisis dan elemen yang diperlukan akan dikeluarkan bagi dijadikan sebagai kajian sorotan. Analisis dapatan dibahagikan kepada faktor berlaku LGBT dan kaedah menanganinya di Malaysia.

## ANALISIS HASIL DAPATAN

### Faktor Mempengaruhi Golongan LGBT

Hasil kajian oleh Fadzilah & Noremy (2019) mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi golongan LGBT, antaranya ialah:

### 1. Personaliti Semula jadi

Personaliti berkait rapat dengan perlakuan tingkahlaku seseorang di mana ianya akan menentukan siapa diri kita serta cara kita bergaul dengan orang sekeliling dan beberapa golongan LGBT ini menyatakan bahawa personaliti lembut yang dimiliki mereka adalah sejak dari kecil walaupun ketika itu mereka belum mengetahui dirinya adalah daripada golongan LGBT. Hal ini menunjukkan bahawa personaliti adalah susunan pola tingkahlaku manusia yang disesuaikan dalam situasi kehidupan mereka.

### 2. Pengaruh Persekutaran Sosial

Antara faktor yang menyebabkan mereka ini terlibat dengan gejala LGBT adalah disebabkan hubungan persekitaran sosial di mana mereka sangat selesa bergaul dengan perempuan tidak kira dalam hubungan keluarga, rakan-rakan mahupun menggunakan aksesori yang sinonim dengan perempuan. Hal ini menyebabkan pemikiran mereka turut menganggap diri sebagai seorang perempuan dan ada juga diantara mereka yang menyatakan sejak dari kecil gemar bermain permainan perempuan seperti solekan dan anak patung. Oleh sebab itu, apabila meningkat dewasa mereka telah terbiasa dengan perlakuan tersebut dan ianya telah membawa mereka ke arah perlakuan LGBT.

### 3. Pengaruh Rakan Sejenis

Pengaruh rakan sejenis ini adalah pengaruh yang diperoleh dari rakan-rakan yang mempunyai personaliti dan masalah yang sama dan mereka ini berkawan dengan setiap lapisan umur yang mempunyai personaliti yang sama dengan mereka. Oleh itu, pengaruh rakan sejenis ini adalah salah satu faktor keterlibatan golongan LGBT ini akibat daripada pengaruh rakan sebaya serta orang sekeliling.

Berdasarkan dapatan kajian oleh Ahmad et al (2015) mendapati bahawa antara faktor yang menyebabkan pasangan lesbian selesa dengan gaya hidup mereka adalah kerana mereka pernah mengalami pengalaman yang buruk bersama pasangan heteroseksual yang mana pasangan mereka ini telah mengambil kesempatan terhadap diri mereka dan perkara ini telah menimbulkan perasaan yang negatif terhadap lelaki. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan mereka lebih memilih untuk berkawan dengan pasangan sejenis kerana pasangan yang sama jenis ini lebih memahami dan mengambil berat terhadap diri mereka sehingga mereka merasa selesa untuk meneruskan kehidupan songsang ini.

Selain itu, Ahmad et al (2015) juga menyatakan keluarga bermasalah juga antara faktor lain yang menyumbang kepada gejala lesbian yang mana mereka mempunyai masalah serta kurangnya komunikasi dengan ahli keluarga. Hal ini akan menyebabkan mereka akan mencari seseorang untuk berkongsi perasaan dan isi hati mereka oleh kerana ibu bapa yang sering sibuk mementingkan pekerjaan dan sering mengabaikan tanggungjawab sebagai ibu bapa. Oleh yang demikian, mereka yang kurang kasih sayang dari ibu bapa ini akan mencari kelompongan kasih sayang tersebut daripada pasangan lesbian mereka.

Seterusnya, faktor pengaruh media sosial juga antara penyebab berlakunya gejala LGBT yang mana pada abad ke-21 ini kecanggihan teknologi di seluruh dunia membawa

pengaruh yang sangat besar kepada ketamadunan manusia sejagat (Ariffudin et al, 2019). Pada tahun 2021, masyarakat Malaysia telah dikejutkan dengan sebuah drama pendek yang memaparkan sebuah kisah percintaan pasangan Gay yang telah dilakukan oleh pelakon Melayu dan beragama Islam malah pelakon tersebut adalah merupakan individu yang di bawah umur. Pelbagai aksi yang tidak sesuai dipertontonkan malah ianya salah di sisi agama serta norma kehidupan seorang manusia dan drama tersebut telah ditayangkan di saluran *Youtube* dan ianya boleh diakses secara mudah tanpa mengira umur serta boleh ditonton oleh sesiapa sahaja. Hal yang demikian menunjukkan bahawa pengaruh gejala LGBT ini telah sedikit demi sedikit mula menggunakan medium media sosial sebagai alat untuk menyebarkan pengaruh yang tidak baik ini kerana sesiapa sahaja boleh mengaksesnya tanpa sebarang batasan.

Selain daripada itu, perincian akhbar Sinar pada September 2022 memaparkan 11 aplikasi janji temu songsang di mana aplikasi berkenaan adalah jalan mudah bagi membuat temu janji dengan mana-mana pasangan sejenis dan rata-rata golongan LGBT ini mengakui bahawa aplikasi ini adalah jalan mudah untuk membuat janji temu dengan pasangan yang sama jantina dengan mereka. Aplikasi yang boleh dimuat turun dari telefon mudah alih ini diakui mudah digunakan terutama bagi golongan muda yang mengamalkan seks songsang yang ingin mencari pasangan untuk melakukan hubungan seks sesama jantina. Hal ini dapat dijelaskan bahawa penggunaan teknologi tanpa sempadan ini boleh mendatangkan kesan negatif terhadap perlakuan serta pemikiran seseorang manusia jika tidak digunakan dengan baik.

### **Fatwa Berkaitan Perlakuan LGBT**

Tasyabbuh yang bermaksud menyerupai sesuatu atau secara fiqh membawa pengertian seorang perempuan yang menyerupai lelaki atau sebaliknya dari segi pakaian, perhiasan, percakapan dan suara, gaya berjalan dan gerak badan, serta mengubah bentuk fizikal badan maka hukumnya adalah haram bahkan ianya adalah merupakan salah satu dosa besar (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2015). Dinyatakan disini beberapa fatwa antaranya:

1. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada April 1982 memutuskan bahawa seseorang yang dilahirkan lelaki, hukumnya tetap lelaki manakala seseorang yang dilahirkan perempuan, hukumnya tetap perempuan walaupun (lelaki atau perempuan itu) berjaya menukar jantinanya melalui pembedahan. Pertukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak.
2. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan juga pada Oktober 2008 memutuskan bahawa pengid iaitu wanita berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki adalah haram di sisi agama.
3. Fatwa yang diwartakan di Perak pada Jun 2010 menyebut bahawa pengid iaitu wanita berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki dan lelaki menyerupai wanita (maknyah atau pondan) sama ada dari segi pakaian, penampilan dan gerak laku serta naluri seksual seperti wanita adalah haram di sisi Islam.

4. Fatwa yang diwartakan di negeri Melaka dan Kedah juga mengguna pakai keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-83 bertarikh pada 22 hingga 24 Oktober 2008 yang menyatakan bahawa pengid iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki adalah haram di sisi Islam.
5. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor yang bersidang pada 5 Zulhijah 1429H bersamaan 3 Disember 2008 telah membincangkan mengenai hukum wanita menyerupai lelaki (pengid) dan mesyuarat menyatakan bahawa pengid iaitu wanita yang berpenampilan seperti lelaki dan melakukan hubungan sejenis adalah haram di sisi Islam.
6. Syeikh Ibn Jibreel juga dalam fatwanya menyatakan haram bagi seorang lelaki untuk menyerupai wanita dan begitu juga wanita yang menyerupai lelaki dari segi pakaian, pertuturan dan cara berjalan.

### **Perbincangan Kaedah Pemulihan LGBT**

Secara keseluruhannya dapat dijelaskan disini bahawa telah banyak kajian yang telah dilakukan mengenai Isu Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) ini dan isu ini bukanlah sebuah isu yang baru menapak di dunia ini khususnya di Malaysia dan ianya tidak boleh di pandang enteng sebaliknya hendaklah di bendung agar tidak bertambah parah. Oleh itu, terdapat beberapa langkah yang dibincangkan bagi menangani isu ini, antaranya ialah ibu bapa perlulah memainkan peranan yang penting dalam menangani isu ini agar ianya tidak mempengaruhi anak-anak sejak kecil lagi dengan memberikan didikan agama yang secukupnya serta sentiasa mengawasi setiap gerak-geri anak-anak dari terjebak kepada gejala-gejala yang tidak baik khususnya terhadap gejala LGBT ini.

Peranan pihak kerajaan mewujudkan garis panduan penguatkuasaan dan pendakwaan yang standard dan mudah diikuti supaya setiap langkah dan tindakan penguatkuasaan serta pendakwaan dilihat sebagai standard dan tidak kucar kacir (Mohamad Afandi & Mohd Sabree, 2019). Mohamad Afandi & Mohd Sabree (2019) turut menyatakan badan legislatif negara perlu mengemukakan suatu peruntukan baru yang bersifat khusus menyentuh tentang kesalahan-kesalahan melibatkan LGBT oleh kerana terdapat banyak kelompongan yang terdapat dalam undang-undang sedia ada serta peruntukan yang ada bersifat samar dan sukar untuk dijadikan sandaran oleh pihak mahkamah dalam menjatuhkan hukuman.

Berdasarkan kajian Zuraidah et al (2018), sebuah pelan bimbingan terhadap golongan LGBT dan keceliaruan gender ini telah dirangka yang mana berasaskan kepada pendekatan spiritual Islam dengan penekanan kepada aspek psikologi. Perincian penekanan merangkumi tiga perkara utama sebagaimana berikut:

1. Intervensi Psikospiritual Islam

Psikospiritual Islam merupakan suatu ilmu tentang konsep dan praktis pengabdian dan penyerahan diri kepada Allah SWT yang selaras dengan fitrah asal manusia. Ianya adalah suatu metode rawatan bagi penyakit kejiwaan atau rohani berpandukan ajaran Islam sehingga mampu mewujudkan kestabilan diri, jiwa dan roh. Pendekatan psikospiritual Islam ini sesuai

untuk diaplikasikan dalam membimbing dan mengajak golongan transgender kembali kepada fitrah. Zuraidah et al (2018) turut menyatakan pendekatan kaunseling dan bimbingan berteraskan Islam atau dengan pengisian agama perlu diketengahkan dan diperluaskan agar Islam tidak disalah tafsirkan sebagai hukuman semata-mata tanpa menerima sifat toleran untuk berinteraksi sesama manusia.

## 2. Bimbingan kaunseling syarie oleh kaunselor syarie

Kaedah ini penting bagi membuka peluang kepada golongan transgender berkongsi rasa dan pengalaman hidup agar dapat dibimbing untuk mengenal potensi diri sebagai khalifah Allah serta membuat keputusan atau menyelesaikan masalah yang dihadapi berasaskan syariat Islam. Oleh itu, golongan ini mempunyai tempat tuju bagi membimbing mereka kembali kepada fitrah.

## 3. Program dan aktiviti Kerohanian

Program seperti kem ibadah (*mukhayyam*) adalah bertujuan untuk melatih golongan transgender ini dalam jangka masa tertentu dan ianya juga bermanfaat bagi golongan ini kerana mereka dapat berinteraksi dengan psikoterapis syarie atau pendakwah malah mereka juga boleh bertukar pandangan sesama mereka.

Antara langkah lain bagi menangani gejala LGBT ini adalah dengan menidakkannya serta mematahkan segala hujah yang menyokong aktiviti songsang yang berkaitan LGBT dan yang berkaitan dengannya kerana ianya melanggar fitrah kejadian manusia dan yang pastinya dimurkai oleh Allah (Puteri Hayati et al, 2014). Seterusnya, golongan ini perlu didekati, difahami dan dibantu secara khusus melalui rawatan seperti sesi kaunseling individu atau sesi kaunseling kelompok dan bimbingan dengan menggunakan rawatan yang berasaskan pendekatan integratif yang mampu merungkai permasalahan, memberi kefahaman mendalam kepada kaunselor sebagai usaha membantu golongan ini. Oleh yang demikian, secara keseluruhannya pemulihan dan rawatan perlu dilakukan secara spesifik dan komprehensif bagi menghadapi isu LGBT yang semakin berleluasa ini agar tidak terus melarat sehingga ke generasi seterusnya.

## KESIMPULAN

Perbincangan berkaitan gejala LGBT semakin meluas di Malaysia yang merangkumi pelbagai bidang bukan sahaja dari aspek perubatan, bahkan dari aspek keagamaan, sosial dan undang-undang turut mengambil inisiatif sebagai peduli kepada kemaslahatan sesama insan bagi membendung golongan dari menjadi lebih parah tanpa melewati batasan undang-undang. Kerjasama pelbagai pihak perlu ditingkatkan lagi agar objektif bagi memulihkan negara Malaysia dari terus dipengaruhi oleh perlakuan songsang ini dapat dicapai demi melahirkan generasi yang mengamalkan gaya hidup sebagai seorang manusia normal dan mengembalikan individu yang telah terjebak dalam gejala LGBT kepada fitrah asal mereka serta menjadikan Malaysia sebuah negara yang harmoni yang berlandaskan kepada syariat agama Islam.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2020/SSI0/UTHM/03/8)*

## RUJUKAN

### Al-Quran Al-Karim

- Ahmad, M.I, Haikal Anuar Adnan, Abd Satar, J., Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Wan Azreena, J., Zainal Abidin, J. & Wan Mohd Zain, W. M. S. Faktor Dan Cara Gaya Hidup Serta Kemungkinan Kembali Pulih Dalam Kalangan Lesbian: Satu Kajian Kes. *Journal Of Social Sciences and Humanities*. 2015. Vol. 10 No 1, 001-0015
- Arina Fadhilaatika & Muthoifin. The Phenomenon Of LGBT (Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender) and The Story of The Shodom in Islamic View. *Urecol Journal. Part H: Social, Art and Humanities*. 2022. Vol 2 No 1 pp.11-19
- Danial Ariff Shaari. Usah Tunduk Desakan Aktivis Liberal, Isu LGBT. *Berita Harian*. Dicapai pada 6 Oktober 2022 dari <https://www.bharian.com.my/kolumnis>
- Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders Fifth Edition (DSM-5)*
- Fadzilah Abdullah & Noremy Md Akhir. LGBT Dalam Kalangan Mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Wacana Sarjana*. 2019. 1-11
- M. Afandi Md Ismail & Mohd Sabree Nasri. Gejala LGBT DI Malaysia: Isu Dan Cadangan Penyelesaian. *Journal Of Law & Governance*. 2019. Volume 2 (No. 1) 2019: 51-56
- Mahfudzah Mohamad (2015), Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-Undang Jenayah Syariah
- Melati Sumari (2022). LGBTQIA- Apa, Kenapa dan Bagaimana Menangani. *Simpposium Pelangi Putih*. 23 Ogos 2022
- Mohd Izwan Md Yusof, Muhd Najib Abdul kadir, Mazlan Ibrahim, Khader Ahmad & Murshidi Mohd Noor. *Hadis-Hadis Sahih Berkaitan Perlakuan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Ms: 2: 2021
- Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Muhammad Syahlan Shafie, Hisham Hanapi, Fareen Mohd Hassan. Salah Laku LGBT Dalam Perundangan Malaysia: Undang-Undang Sebagai Mekanisme Pembanterasan Dan Kawalan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 13, 2018. Issue 1 (2018) 19-34
- Mohd Nasaruddin Parzi. Isu LGBT Kian Membimbangkan- Idris. Dicapai pada 6 Oktober 2022 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional>.
- Muhammad Adam Abd Azid, Nur Syuhada Mohd Subri & Khadher Ahmad. Mak Nyah Dan Perkembangannya di Malaysia. *RABBANICA- Journal of Revealed Knowledge*. 2020. 1(1) 19-34
- Puteri Hayati Megat Ahmad, Nurul Hudani Md Nawi & Peter Voo Su Kiong. Latar Belakang Kehidupan Dan Cara Berfikir Individu Keceluaran Identiti Gender. *International Conference and Work*. Medan: Universitas Negeri Medan. 2014. Ms 1-11

Shazreen Kamarolzaman, Mohd Mursyid Arshad & Ahmad Aizuddin Md Rami. Pembangunan Belia Positif Kepada Belia Berisiko: Fenomena LGBT di Lembah Klang, Malaysia. *Asia Pasific Journal of Youth Studies*. 2022. Vol 1(1), 2022, 101-117

Zuraidah Abdullah, Che Zarina Sa'ari & Lee Wei Chang. Transgenderisme Di Malaysia: Pelan Bimbingan Kembali Kepada Fitrah Dari Perspektif Psikospiritual Islam: Transgenderism in Malaysia: Guide Plan Back To Fitrah from Islamic Psychospiritual Perspective. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*. 2018. 20(2): 279-322